

Kabinet baharu diharap pulih ekonomi, jalin usaha sama Labuan dan Sabah

Oleh Henry Bating

LABUAN: Reaksi beberapa pemimpin dari WP Labuan dan pedalaman Sabah berharap jemaah menteri baharu dapat memulihkan ekonomi negara yang kurang sihat di samping meluhurkan semangat Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dengan memanfaatkan pengalaman dan kepakaran kalangan menteri yang baru dilantik.

Ketua Bahagian Parti Bersatu Sabah (PBS) Labuan Datuk Peter Mak berkata, penduduk Labuan ketika ini berhadapan krisis kekurangan pekerjaan yang mengakibatkan pembuangan pekerja pada skala membimbangkan.

"Terdapat juga dasar-dasar pihak berkuasa tempatan yang tidak mesra pentiaga yang dikhuatiri boleh melemahkan institusi kemasyarakatan dan keluarga," katanya.

Peter menegaskan dalam menangani masalah penduduk Labuan, pihak Kementerian Wilayah di bawah Tan Sri Annuar Musa perlu menjalin hubungan erat dengan Kerajaan Negeri



PETER

Sabah kerana dua wilayah ini berkaitan secara intim dari segi ekonomi dan kemasyarakatan.

Berhubung banjir warga asing tanpa izin dan pencerobohan pihak luar ke atas sempadan Negeri Sabah bersama Labuan, Peter berharap kerajaan baharu di bawah Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dapat menyelesaikannya dengan segera secara total.


Peter seterusnya menyifatkan pelantikan Presiden PBS Datuk Seri Dr Maximus Johnity Ongkili sebagai



JEROME

menteri yang bertanggungjawab terhadap Hal Ehwal Sabah dan Sarawak sebagai tepat demi meletakkan MA63 dan hak kesejahteraan Sabah sebagai faktor utama dalam pentadbiran negara.

Aktivis budaya dan masyarakat Labuan Jerome Mijin yakin pemulihan ekonomi dapat dicapai berdasarkan latar jemaah menteri yang berpengalaman di mana idea-idea mereka dapat disatukan bagi mengilham strategi pembangunan ekonomi yang lebih maju dan cemerlang.



PAUL

Jerome mengajak rakyat Sabah dan Labuan menyokong kepimpinan baharu negara yang dilihat mampu mewujudkan kestabilan dan keselamatan di samping terus melaksanakan MA63 dalam pengurusan negara.

Naib Ketua Bahagian STAR Liawan Ronanus Ehalti @ Roy Maliaa, 49, yakin kalangan menteri yang dilantik adalah berintegriti tinggi setelah melepasi tapisan SPRM.

"Kita yakin negara mampu mencapai kemajuan ekonomi kerana kalangan menteri



RONANUS

berkemampuan mentadbir berdasarkan pengalaman yang mereka miliki," katanya yang berasal dari Kg Saliku Pensiangan.

Ronanus menyatakan pelantikan Presiden Parti STAR Datuk Dr Jeffrey Kitingan sebagai Timbalan Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan menampakkan aspirasi para pendukung parti itu sebagai diterima baik oleh kerajaan Persekutuan.

Ronanus berharap Kabinet negara dapat membawa perubahan kepada Negeri



YAZID

Sabah dan seterusnya merealisasikan MA63 yang selama ini ditunggu-tunggu oleh rakyat Sabah.

Pengamat politik dari Keningau Paul Uka melihat pelantikan enam Ahli Parlimen dari Sabah ke dalam kabinet pusat dapat menjaga kepentingan rakyat dan negeri Sabah.

"Keikhlasan Perdana Menteri menangani isu-isu berkaitan Sabah dan Sarawak terserlah dalam pewujudan potfolio itu di bawah jajaan seorang Menteri di Jabatan Perdana Menteri," katanya.

Paul yakin Jemaah Menteri yang ada sekarang memiliki komitmen dan kesungguhan untuk menterjemahkan semangat MA63 dalam pengurusan negara.

Haji Yazid Haji Mohd Hasnan Tawik Mansai, 63, pesara Pegawai Pendidikan menyifatkan Jemaah Menteri yang baharu mengangkat sumpah adalah gabungan dari pelbagai latar pengalaman dan kepakaran.

"Dengan adunan pemimpin berlatar pelbagai bidang, kepakaran dan pengalaman sudah pasti dapat mengurus tabir negara dengan baik dan berkesan," katanya yang juga Timbalan Pengerusi Persatuan Kebudayaan dan Kebajikan Etnik Kujau, Gana, Nabai Sabah (KGNS).

Menurut Yazid, sekarang adalah masanya untuk jemaah menteri bekerja bagi keperluan rakyat dengan layanan mesra untuk memenuhi kehendak rakyat.

Yazid menegaskan sara hidup rakyat perlu diperbaiki setelah terabai 22 bulan lalu.